

Isu buang bayi atau bayi ditinggalkan bukanlah satu fenomena baru dalam kehidupan hari ini. Perkara ini sudah menjadi satu 'penyakit kritikal' yang semakin membarah dalam seluruh sistem masyarakat dan seolah-olah tiada penawar yang dapat mengubatnya. Pelbagai cara serta penyelesaian dicari dan dilaksanakan, namun semua itu hanya sekadar 'ubat' yang melegakan sebentar kesakitan, tetapi tidak menyembuhkan penyakit sebenar yang berlaku.

Berbalik kepada topik kali ini, apa yang penulis ingin kongsi bukanlah

Sinar Harian

kritikan terhadap perkara yang berlaku atau mempersoalkan apa yang sudah dilakukan dalam menangani isu ini. Perkara lebih penting adalah membawa anda untuk melihat kembali permasalahan ini sehingga ke akar umbi secara lebih telus. Lebih tepat, untuk membuka mata semua pihak agar melihat gejala buang bayi ini sebagai satu 'penyakit masyarakat' yang perlu diubati bersama. Dalam kata lain, tidak meletakkan beban kepada sebelah pihak (pelaku) saja, sebaliknya mengakui perkara berlaku berpunca daripada kecuaiannya diri yang kurang mengambil peduli terhadap perkara yang terjadi dalam keluarga dan masyarakat sekeliling.

05 NOV 2010 M/S N14


mengetahui atau menjumpai mayat itu

- Pelaku selalunya bertindak bersendirian kerana teman lelaki enggan bertanggungjawab, selain turut merahsiakan kejadian daripada keluarga

Punca/faktor kejadian berlaku:

- 1) Sikap
 - Ibu bapa
 - Sikap tidak kisah dan tidak ambil berat adalah punca utama yang mendorong kepada perlakuan bebas anak-anak serta

BUANG BAYI



Sinar

● Gambar hiasan

Buang bayi dikategorikan kepada:

- (1) Buang, hidup
 - Bayi baru lahir dan dibuang oleh pelaku (ibu) dalam keadaan masih bernyawa
 - Bayi yang terselamat walaupun kewujudannya cuba dilupuskan
- (2) Buang, mati
 - Bayi yang meninggal dunia sebaik dilahirkan atau maut selepas dibuang oleh pelaku

Latar Belakang pelaku (ibu):

- Golongan muda berusia 25 tahun ke bawah yang belum berkahwin
- Kebanyakannya adalah pelajar Institusi

kebanyakannya adalah pelajar institusi Pengajian Tinggi (IPT)

- Golongan belum matang serta mengamalkan gaya hidup bebas
- Segelintirnya berasal dari keluarga bermasalah dan berpecah belah

Latar Belakang mangsa (bayi)

- Anak luar nikah hasil hubungan terlarang antara pelaku dan teman lelaki
- Mangsa adalah bayi yang baru dilahirkan

Modus Operandi:

Apa yang dilakukan oleh pelaku (ibu) terhadap bayi yang dilahirkan, dipengaruhi rasa takut yang tidak dapat dibendung dan jalan terbaik adalah melupuskan bayi agar tidak diketahui sesiapa.

- **Memilih tempat awam yang tidak terlalu jauh atau terlalu dekat dengan kediaman pelaku**
 - Bagi memudahkan untuk membawa bayi ke lokasi yang dirasakan selamat untuk ditinggalkan
 - Tidak mahu pergerakan dikesan atau tangisan bayi didengari individu lain
- **Malam atau awal pagi**
 - Waktu ini tidak ramai orang dan memudahkan pergerakan
- **Antara lokasi pilihan untuk membuang:**
 - Bayi hidup: surau, rumah, bangsal, stesen bas, masjid, tandas
 - Pelaku memilih tempat ini supaya orang ramai sedar tentang kehadiran bayi
 - Bayi mati: tong sampah, longkang, sungai, semak, tepi jalan, landasan kereta api. Lokasi ini dipilih agar tiada siapa

kepingangan dalam keluarga

- Segelintir ibu bapa hanya menutup sebelah mata dan tidak berbuat apa-apa walaupun mengetahui anak melakukan perbuatan yang membelakangkan agama
- Anak bebas melakukan perkara dingini tanpa ditegur sehingga mereka lupa diri, terlanjur, melahirkan bayi luar nikah dan membuangnya.



● ARJUNAIDI MOHAMED

- Masyarakat
 - Ikatan sosial antara masyarakat semakin longgar, nilai murni sesama masyarakat juga sudah berubah berbanding dulu
 - Sikap menegur dan menasihati tidak dipraktikkan lagi. Masing-masing membuat hal sendiri dan lebih banyak mengeji daripada memperbetulkan
 - Memandang hina kepada anak luar nikah, amat mendorong pelaku untuk membuang bayinya
- 2) Kurang didikan agama
 - Kesibukan ibu bapa hari ini menyebabkan mereka lupa akan peranan sebenar terutamanya dalam memberi didikan agama sejak daripada awal kepada anak
 - Apabila anak tidak mendapat bimbingan yang betul, mereka mudah dipengaruhi untuk melakukan perkara yang bersalahan dengan agama termasuk kehamilan luar nikah dan buang bayi.
- 3) Pergaulan dan gaya hidup
 - Apabila tiada pemantauan daripada ibu bapa, anak cenderung untuk mencuba pelbagai perkara negatif agar diri 'diiktiraf' rakan sebaya dan tidak dilabelkan sebagai kolot
 - Sikap teruja ini akhirnya menjerat diri apabila mereka terjebak dengan perlakuan jijik sehingga mengandug, seterusnya membuang bayi
- 4) Persepsi
 - Ibu bapa
 - Tidak dapat terima hakikat serta malu apabila anak hamil luar nikah. Kebanyakan kes, pelaku turut

- dibuang keluarganya
- Keadaan ini menyebabkan si anak berasa tertekan serta buntu sebelum memilih untuk membuang bayi sebaik melahirkannya.
- Masyarakat
 - Memandang hina kepada individu yang terjebak dalam kehamilan luar nikah
 - Terus menuding jari dan meletakkan kesalahan kepada hanya pelaku wanita tetapi tidak kepada pasangannya
 - Tidak berlaku adil daripada segi meletakkan kesalahan. Pelaku menjadi terdesak dan terus melakukan dosa dengan membuang zuriat yang dilahirkan
- 5) Bahan tontonan seperti filem dan video
 - Turut memberi impak terhadap perlakuan individu atau masyarakat, terutamanya yang berunsurkan pornografi
 - Bahan tontonan itu mempengaruhi pemikiran serta tindakan pelaku menyebabkannya terdorong untuk mencuba sebelum menyedari kesilapan dilakukan sehinggalah disahkan hamil
 - Jalan terakhir, bayi dilahirkan terpaksa dibuang kerana tidak bersedia
- Kesan:
 - Pelaku
 - Jangka pendek: akan dihimpit rasa bersalah serta penyesalan
 - Jangka panjang: Pelaku mula lupa kesilapan yang dilakukan dan mengulangi kesalahan sama
 - Mangsa (bayi yang dibuang dan hidup)
 - Jangka pendek: Pengurusan hidup kurang teratur
 - Jangka panjang: tertekan dan keliru

kerana dipandang hina, tidak dapat diterima dalam masyarakat serta kurang keyakinan diri

- Masyarakat
- Melahirkan masyarakat huru-hara kerana terlalu bebas dalam pergaulan sehingga membelakangkan agama
- Gejala buang bayi akan mendorong kepada gejala sosial atau jenayah lain dalam masyarakat. Kualiti manusia dalam masyarakat semakin hilang

Penyelesaian

- Semua pihak termasuk ibu bapa, masyarakat dan keluarga perlu melihat kepada akar permasalahan dan bersama-sama menyelesaikannya
- Sistem keluarga dan masyarakat meliputi nilai agama, sikap serta pemikiran perlu diperbetulkan semula
- Perubahan yang dibuat perlu dilakukan berterusan kerana apa yang terjadi hari ini bukan berlaku sekelip mata, tetapi sedikit demi sedikit sebelum menjadi budaya yang dianggap 'betul' dalam masyarakat
- Keluarga dan masyarakat perlu mengangap gejala buang bayi sebagai 'masalah kita' dan tidak hanya meletakkan beban di bahu pelaku saja
- Hentikan sikap suka menyalahkan pelaku, sebaliknya mengakui apa yang terjadi berpunca daripada kesilapan bersama
- Cuba bantu dengan memperbetulkan kesilapan yang ada, bermula daripada dalam keluarga dan masyarakat supaya

Rentetan peristiwa buang bayi 2010

- 10 Februari – Mayat bayi perempuan baru dilahirkan ditemui dihurung semut depan pintu pagar Masjid Permatang Duyong, Melaka
- 13 Februari – Bayi lelaki ditemui rentung dalam tong sampah di belakang sebuah bank di Kuala Krai, Kelantan
- 26 Mac - Mayat seorang bayi lelaki ditemui dengan sebelah tangannya digonggong anjing di Kampung Melayu Subang
- 29 Ogos – Bayi perempuan berusia seminggu yang lengkap berbalut dengan selimut ditinggalkan depan sebuah rumah di Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang
- 15 September - Bayi lelaki yang masih bertali pusat dibungkus dengan surat khabar dan dicampak dari kenderaan yang sedang bergerak di kawasan Perumahan Taman Rajang, Sibul, Sarawak
- 5 November – Janin separuh hancur dijumpai depan kawasan letak kereta di Alor Setar, Kedah
- Pelaku didakwa (2010):
- 7 Jun - Seorang siswazah universiti dikenakan hukuman penjara setahun dan denda RM7,000 oleh Mahkamah Majistret Kuala Terengganu selepas mengaku bersalah membuang mayat bayi lelaki yang dilahirkan dua tahun



● Bayi dibuang dalam kotak bersama sampah sarap.



● Bayi malang lemas dalam air.

perkara sama tidak berulang

- Perundangan
- Pihak yang terbabit perlu mengkaji semula pelaksanaan undang-undang berkaitan kesalahan buang bayi
- Setakat ini pelaku yang bersalah didakwa mengikut Seksyen 317 dan Seksyen 318 Kanun Keseksaan, masing-masing kerana buang bayi dan menyembunyikan kelahiran
- Undang-undang khusus untuk simpanan data bank asid deoksiribonukleik (DNA) juga perlu dikaji kerana pelaksanaannya sangat berguna untuk mengesan pelaku yang melakukan perbuatan buang bayi
- Pengenaln rumah perlindungan 'baby hatch'
- Membantu untuk melindungi nyawa bayi dibuang kerana pelaku mempunyai ruang khas untuk meninggalkan bayi dengan selamat

- Kaedah ini berkesan untuk jangka pendek iaitu melindungi bayi yang teraniaya. Untuk tempoh jangka panjang, pendidikan dan kesedaran mengenai kesan negatif hamil luar nikah masih perlu dilaksanakan bagi membanteras gejala ini. Bagi menjayakan usaha untuk menangani kes buang bayi, kerjasama daripada orang ramai sangat diperlukan. Mereka boleh:

- Membuat aduan terus ke Talian Nur 15999 yang beroperasi 24 jam. Boleh dihubungi melalui talian tetap, telefon bimbit dan telefon awam
- Terus tampil atau menghubungi mana-mana balai polis berdekatan sekiranya memperoleh maklumat berhubung kes buang bayi.

- lalu
- 23 Ogos - Pelajar sebuah IPT di Jasin, Melaka didakwa mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana membuang mayat bayi secara sulit dalam tandas perempuan Wad Kecemasan Hospital Melaka pada 17 Ogos lalu
 - Sepasang kekasih berusia 17 dan 18 tahun, mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Melaka atas tuduhan membuang bayi perempuan di kawasan Kilang Daibochi di Ayer Keroh, Melaka pada 11 Ogos lalu

Sumber: Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed, www.yahoo.com, www.google.com



● Nyawa bagaikan tidak berharga.



● Bayi dibuang dalam baldi.